

LEX READ

NOVEMBER 2023

Transgender
Women
In Sports

PM DR.
NIK SALIDA

MENULIS



Equal Treatment or
Equal Outcomes?



e-ISSN: 2811-3462

PERKAHWINAN BUKAN UNTUK DIKHIANATI

Oleh: Hazlina Mohd Padil (hazli6749@uitm.edu.my)



PENGENALAN

Perkahwinan adalah salah satu syariat dalam Islam dan juga nikmat kurniaan Allah SWT kepada umat manusia. Perkahwinan adalah lumrah kehidupan dalam mengekalkan generasi dan keturunan sesebuah keluarga. Allah SWT. telah berfirman di dalam surah **Al-Nahl ayat 72** yang bermaksud *“Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu ...”*.

Percantuman dua insan di alam sesebuah perkahwinan dapat berlaku dengan adanya suatu akad. Akad nikah yang dilakukan adalah hasil daripada ijab dan qabul di antara bakal suami dengan wali kepada bakal isteri. Ijab dan qabul merupakan salah satu rukun perkahwinan yang hendaklah dilakukan dengan lafaz yang terang dan tidak bersyarat dengan sesuatu atau tidak diikat dengan suatu tempoh.

Perkahwinan bukanlah suatu kontrak seperti kontrak-kontrak biasa yang dimasukkan oleh pihak-pihak untuk sesuatu kepentingan. Sesebuah kontrak mempunyai tempoh masa dan perkara-perkara yang perlu dilakukan sepanjang tempoh kontrak. Walau bagaimanapun, sesebuah perkahwinan tidak mempunyai tempoh masa yang dipersetujui semasa berlakunya akad nikah. Perkahwinan akan berterusan selagi tidak berlakunya perceraian atau kematian salah seorang sama ada suami atau isteri.



Apabila berlakunya perkahwinan maka bermulalah tugas dan tanggungjawab pihak-pihak yang bergelar sebagai suami dan isteri. Tanggungjawab suami dan isteri terdiri daripada pelbagai bentuk antaranya nafkah zahir dan batin, menjaga kebajikan rumahtangga, berkasih sayang, menggembirakan pasangan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan perkahwinan.

Namun, telah banyak berlaku kes-kes jenayah di dalam perkahwinan seperti mendatangkan kecederaan kepada pasangan, memukul dan tidak kurang juga membunuh. Mengapakah berlakunya kes-kes tersebut?

Adakah ianya berlaku akibat pergaduhan di antara pasangan? Cemburu? Pada tahun 2023 sahaja telah banyak berlaku kes-kes yang melibatkan suami mendatangkan kecederaan kepada isteri.

Di Gua Musang, Kelantan, terdapat satu kes melibatkan seorang lelaki yang mengaku bersalah kerana memukul isterinya dengan topi keledar. Begitu juga di Melaka, seorang lelaki juga telah memukul isterinya menggunakan topi keledar.



Selain itu, ada suami yang mencederakan isteri dengan mencucuh puntung rokok ke badan isteri, memukul isteri, menendang dan tidak kurang juga yang menampar pipi isteri sehingga cedera. Terdapat juga kes suami mengugut isteri dengan menggunakan parang dan kes yang terbaru melibatkan suami memukul isteri menggunakan penukul sehingga mengakibatkan kepada kematian.

Mengikut undang-undang, berdasarkan kepada **seksyen 324** (kecederaan menggunakan senjata) Kanun Keseksaan, jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau didenda atau sebat atau mana-mana hukuman itu.

Tertuduh juga boleh dikenakan hukuman di bawah **seksyen 326A** (kecederaan kepada pasangan, bekas suami atau isteri, kanak-kanak atau ahli keluarga yang lain) Kanun Keseksaan dengan dipenjarakan maksimum dua kali ganda, iaitu sehingga 20 tahun jika disabitkan kesalahan.

“

Sehingga September 2023, jumlah kes penceraian dilaporkan di Malaysia adalah sebanyak 16,689 kes.

- Jabatan Pendaftaran Malaysia (JPN)

”

Mengikut kajian penulis berdasarkan kepada laporan di akhbar serta laporan kes di jurnal undang-undang, pesalah kebanyakannya berumur di dalam lingkungan umur pertengahan 20 tahun sehingga 40 tahun.

Punca berlakunya jenayah adalah bermula daripada pergaduhan di antara suami dan isteri yang selalunya berkaitan dengan masalah kewangan di dalam keluarga tersebut. Tidak kurang juga jenayah tersebut berpunca daripada suatu perkara yang tidak masuk akal seperti kegagalan isteri membeli rokok.

Mengapakah berlakunya jenayah tersebut? Walaupun jenayah berpunca daripada pergaduhan suami dan isteri, tetapi kes-kes jenayah tersebut menunjukkan masalah di dalam perkahwinan tidak ditangani dengan baik. Persoalan ini membawa kepada asas persiapan perkahwinan tersebut.

Adakah suami dan isteri itu benar-benar bersedia menjalankan tanggungjawab mereka? Adakah kursus perkahwinan yang dihadiri sebelum pernikahan tidak mencukupi dalam menyiapkan bakal suami dan bakal isteri?

Permasalahan akan timbul sekiranya asas atau persiapan ilmu dalam menjalankan tanggungjawab suami isteri tidak cukup. Sekiranya menghadiri kursus perkahwinan sekadar untuk mendapatkan sijil, maka ilmu yang diperolehi tidak digunakan dengan sebaik-baiknya. Mungkin juga modul kursus perkahwinan itu juga tidak mencukupi untuk bakal-bakal suami dan isteri.

Modul Kursus Perkahwinan perlulah diperhalusi semula supaya institusi perkahwinan mengikut syariat Islam dan masalah di dalam perkahwinan dapat ditangani dengan sebaiknya oleh suami dan isteri.

Walau apa sekalipun alasan pergaduhan suami isteri, semuanya bermula dengan iman. Iman seseorang yang beragama Islam itu perlu teguh dan perlulah juga dilengkapi dengan ilmu, bukan sahaja ilmu perkahwinan, tetapi ilmu mengawal emosi serta amarah. Iman, ilmu dan kesabaran adalah perlu apabila ianya melibatkan hubungan sesama manusia kerana tidak semua manusia itu sama dari segi perbuatan, percakapan mahupun kehendak.



Selain kes jenayah, perkahwinan juga dicabuli dengan kecurangan pasangan. Suami curang atau isteri curang boleh merosakkan institusi rumahtangga. Kehadiran orang ketiga selalunya akan membawa kepada perceraian. Bukan sahaja rumahtangga runtuh, kehidupan anak-anak juga akan terganggu.

Kes di mahkamah akan meningkat kerana dalam setiap kes perceraian akan membawa kepada kes perebutan penjagaan anak, kes pembahagian harta, kes tuntutan mu'ah, kes tuntutan nafkah anak, kes tuntutan nafkah 'iddah dan kes-kes sampingan yang lain seperti pertukaran rakan kongsi sekiranya suami dan isteri tersebut mempunyai perniagaan bersama.

Kes-kes tersebut melibatkan beribu-ribu ringgit yang akan menjejaskan kewangan suami atau isteri tetapi menguntungkan para peguam. Terdapat banyak implikasi kepada mangsa di dalam perkahwinan yang dikhianati.

Selain daripada kecederaan yang berkemungkinan meninggalkan kecacatan kekal, kehidupan sosial mangsa juga akan terjejas.

Mangsa mungkin rasa takut untuk berjumpa dan bergaul dengan masyarakat kerana hilang kepercayaan dalam perhubungan di antara manusia. Sekiranya mangsa mengalami kesan emosi dan mental ia akan menjadikan mangsa sukar menjalani kehidupan seharian.

Akta Keganasan Rumahtangga 1994 yang bertujuan memberi perlindungan undang-undang kepada mangsa dalam situasi keganasan rumahtangga dan perkara yang bersampingan dengannya diharapkan dapat melindungi pihak-pihak yang menjadi mangsa dalam perkahwinan. Perlindungan kepada mangsa mungkin dalam bentuk tempat tinggal bagi melindungi mangsa daripada terus teraniaya.

Menangani masalah di dalam perkahwinan bukanlah mudah kerana melibatkan urusan undang-undang.



Pertuduhan di mahkamah yang dikeluarkan ke atas tertuduh perlulah jelas dan tepat agar tertuduh tidak terlepas atas kesilapan teknikal.

Terdapat juga keadaan di mana mangsa enggan menceritakan perkara sebenar kerana trauma atau takut akan dcederakan lagi. Anak-anak juga akan menjadi mangsa apabila ibunya dibunuh oleh suami. Lebih memeritkan apabila adik-beradik terpisah kerana dipelihara oleh keluarga yang berbeza.

PENUTUP

Hargai pasangan dan tangani masalah di dalam perkahwinan dengan sebaiknya. Setiap masalah ada penyelesaiannya. Apabila berlakunya kes-kes jenayah di antara suami dan isteri, perkahwinan itu tidak lagi suci tetapi telah dikhianati.

RUJUKAN

Daud, N. M., Hussin, M. N. M., & Jamaludin, M. H. (2021). Keganasan rumahtangga di Malaysia: Satu analisis literatur: Domestic violence in Malaysia: Analysis of literature review. *Journal of Shariah Law Research*, 6(2), 273-296.

Wahab, N. A., & Nordin, F. N. M. (2021). Masjid Sebagai Pusat Transit Perlindungan dan Aduan Kes Keganasan Rumah Tangga: Tinjauan Awal. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 96-111.

